

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2016

Pembangking hanya peralat Dr. Mahathir

UM - 24/6/2016

KUANTAN 23 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hanya dijadikan alat oleh pembangkang demi kepentingan politik sempit mereka.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, Dr. Mahathir sepatutnya menyedari tindakan pembangkang yang memeralatkan beliau.

“Saya sekarang sudah sampai satu tahap tidak lagi berupaya untuk berasa marah terhadap Tun (Dr. Mahathir) kerana saya sedih. Kita mahu raikan legasi beliau sebagai seorang pemimpin ulung negara, selama 22

tahun beliau bina legasi itu.

“Beliau seharusnya sedar pembangkang ini semuanya tidak setia, tidak jujur dan tidak ikhlas terhadap kerjasama dijalinkan bersamanya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Keselamatan Kebakaran dan Jalinan Mesra sini semalam.

Yang hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim.

Abdul Rahman yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Pe-

rumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, tindakan Dr. Mahathir secara berterusan menyalahkan UMNO dipercayai berpunca daripada rasa kurang senang dengan pencapaian parti itu dan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak dan Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar serta Kuala Kangsar baru-baru ini.

“Sudah sampai masanya beliau mengakui bahawa rakyat sudah membuat pilihan. Pengundi di Sarawak, Sungai Besar dan Kuala Kangsar sudah memilih calon yang mereka mahu.